

**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**www.ijlgc.com**MASALAH PENEBUSAN PUSAKA MUSLIM DI NEGERI
SELANGOR*****THE PROBLEM OF REDEMPTION OF MUSLIM INHERITANCE IN THE STATE
OF SELANGOR***Mohammad Salleh Abdul Saha^{1*}, Norazmi Anas², Hamdi Rahman Mohd Yaacob³

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia

Email: salleh@mais.gov.my

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Perak, Malaysia

Email: norazmianas@uitm.edu.my

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Perak, Malaysia

Email: hamdi105@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 20.10.2023

Revised date: 15.11.2023

Accepted date: 17.12.2023

Published date: 26.12.2023

To cite this document:

Abdul Saha, M. S., Anas, N., & Yaacob, H. R. M. (2023). Masalah Penebusan Pusaka Muslim Di Negeri Selangor. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (34), 130-137.

DOI: 10.35631/IJLGC.834009**This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)****Abstrak:**

Kutipan pusaka oleh Bahagian Harta Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengalami kemerosotan dan penyusutan dalam tempoh lima (5) tahun dari 2017 sehingga 2021. Data yang diperolehi dari MAIS menunjukkan bahawa kutipan atau pendapatan pusaka MAIS susut menghampiri 50% dari RM 4,316,241.87 pada tahun 2017 kepada RM 2,116,504.56 pada tahun 2021. Penurunan yang signifikan direkodkan sejak tahun 2019 sehingga tahun 2021 berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara menyebabkan penebus tidak dapat membayar ansuran bulanan penebusan secara konsisten seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak (Baitulmal & penebus). Oleh itu, penulisan kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis masalah yang dihadapi oleh penebus pusaka di negeri Selangor. Reka bentuk kajian kualitatif berpendekatan kajian kes menggunakan instrumen temu bual semi struktur terhadap lima (5) orang penebus pusaka MAIS di negeri Selangor. Kaedah persampelan purposif dan data temu bual telah dianalisis dengan analisis kandungan. Dapatan kajian mendapati bahawa masalah utama kegagalan penebus membayar ansuran bulanan penebusan secara konsisten ialah (i) Pandemik COVID-19, (ii) Musibah banjir, (iii) Kos sara hidup dan (iv) Kekangan kewangan. Maka, pihak Baitulmal MAIS sentiasa berusaha mencari kaedah berkesan bagi menyelesaikan proses penebusan dengan lebih efektif, cepat dan mesra pengguna seterusnya memberikan hak pemilikan sepenuhnya kepada penebus.

Kata Kunci:

Masalah, Muslim, Negeri Selangor, Penebusan Pusaka

Abstract:


Inheritance collection by the Baitulmal Property Division, Selangor Islamic Religious Council (MAIS) experienced a decline and reduction in the five (5) year period from 2017 to 2021. Data obtained from MAIS shows that the collection or income of MAIS inheritance decreased by close to 50% from RM 4,316,241.87 in 2017 to RM 2,116,504.56 in 2021. A significant decrease was recorded from 2019 until 2021 following the COVID-19 pandemic that hit the country causing the redeemer to be unable to pay the monthly installments of redemption consistently as agreed by both parties (Baitulmal & redeemer). Therefore, the purpose of writing this paper is to analyze the problems faced by heirs in the state of Selangor. Qualitative research design with a case study approach using a semi-structured interview instrument with five (5) MAIS heirs in the state of Selangor. Purposive sampling method and interview data were analyzed with content analysis. The findings of the study found that the main problems of the redeemer's failure to pay the monthly installments of redemption consistently are (i) Pandemic of COVID-19, (ii) Flood disaster, (iii) Cost of living and (iv) Financial constraints. Therefore, Baitulmal MAIS is always trying to find effective methods to complete the redemption process more effectively, quickly and user-friendly and then give full ownership rights to the redeemer.

Keywords:

Problems, Muslims, Selangor State, Redemption of Inheritance

Pendahuluan

Pusaka merupakan segala harta yang ditinggalkan oleh si mati kepada waris (ahli keluarga dan lainnya) merangkumi harta alih dan harta tidak alih setelah ditolak segala hutang dan kewajipan kepada pihak yang berhak menurut perundangan (Muda, 2016) atau lebih dikenali sebagai pentadbiran harta pusaka (Halim & Arshad, 2014). Ia melibatkan melibatkan proses pengumpulan harta si mati, diikuti penyelesaian hutang dan baki, seterusnya diagihkan kepada waris yang berhak melalui tiga peringkat iaitu (i) Pemerolehan geran perwakilan daripada Mahkamah Tinggi, Unit Pembahagian Pusaka Kecil atau Amanah Raya Berhad (bergantung pada bentuk harta & nilainya), (ii) Proses mentadbir harta si mati (penjualan/pertukaran/penurunan milik kepada waris) dan (iii) Hasil diagih kepada waris setelah ditolak segala kos berkaitan seperti perbelanjaan pengebumian, wasiat dan perbelanjaan urusan pentadbiran, hutang piutang, liabiliti atau lain-lain (Halim & Arshad, 2014). Menurut Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Portal Rasmi MAIS (www.mais.gov.my/harta-pusaka), harta pusaka merangkumi (i) Semua harta si mati yang diperolehi secara halal, (ii) Sewa yang belum dijelaskan kepada si mati, (iii) Hutang kepada si mati yang dijelaskan selepas kematian, (iv) Dividen / faedah yang terbit daripada harta si mati, (v) Simpanan KWSP berpenama / tiada penama, (vi) Penama Takaful dan (vii) Barang yang terbit selepas mati seseorang dari usahanya semasa hayat, manakala (i) Harta yang telah dijual, diwakaf, dihibah atau dipegang amanah, (ii) Khairat kematian, (iii) Pemberian oleh orang-orang yang menziarahi kematian, (iv) Imbuan, pampasan dan sugu hati, (v) Pencen terbitan dan (vi) Bayaran-bayaran di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (PERKESO) pula tidak termasuk dalam kategori harta pusaka.



Rajah 1: Carta Alir Proses Tadbir Urus Harta Pusaka Islam di Malaysia (Abdullah et al., 2020)

Kutipan pusaka oleh Bahagian Harta Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengalami kemerosotan dan penyusutan dalam tempoh lima (5) tahun terkini dari 2017 sehingga 2021. Data yang diperolehi dari MAIS menunjukkan bahawa kutipan atau pendapatan pusaka MAIS susut dari RM 4,316,241.87 pada tahun 2017 kepada RM 2,116,504.56 pada tahun 2021 (rujuk Jadual 1). Indera Shahril Mohd Shahid (komunikasi peribadi, 21 Jun, 2022) menyatakan bahawa dalam tempoh tiga (3) tahun terkini juga menunjukkan trend penurunan yang signifikan pendapatan penebusan pusaka MAIS antara RM 34,247.63 (2019-2020) sehingga RM136,133.48 (2020-2021).

Jadual 1. Hasil Pusaka MAIS 2017-2021

Tahun	Pendapatan Pusaka MAIS
2017	RM 4,316,241.87
2018	RM 2,327,682.06
2019	RM 2,286,885.67
2020	RM 2,252,638.04
2021	RM 2,116,504.56

Sumber: Bahagian Harta Baitulmal, MAIS

Antara faktor utama berlakunya penurunan pendapatan pusaka MAIS seperti dalam Jadual 1 di atas adalah tunggakan bayaran tebus pusaka oleh penebus-penebus pusaka sehingga melebihi 30 bulan akibat pandemik COVID-19, kehilangan punca pendapatan dan musibah banjir. Pandemik COVID-19 yang melanda dunia sejak tahun 2019 telah menjejaskan kewangan sesebuah negara akibat kelembapan sektor ekonomi di samping meningkatnya jumlah hutang semasa berikutan pakej rangsangan ekonomi yang besar telah dilaksanakan bagi mengelakkan kegawatan ekonomi (Farique & Fauzi, 2021; Abodunrin, Oloye, & Adesola, 2020). Tahap pengganguran juga dilihat semakin meningkat saban hari akibat pembuangan pekerja bagi mengurangkan kos operasi sesebuah syarikat serta rakyat berdepan risiko hilang punca pendapatan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau 'Total Lockdown' termasuk di negara Malaysia (Hasbullah & Ab Rahman, 2020).

Lebih parah lagi, bencana banjir yang melanda negeri Selangor penghujung tahun lalu menyebabkan kerosakan harta benda yang menjejaskan kehidupan masyarakat di negeri terbabit melibatkan lebih 10,000 buah rumah khususnya di daerah Klang, Kuala Langat, Petaling dan Hulu Selangor (BERNAMA, 2022). Situasi ini telah memberi kesan langsung kepada penebus pusaka yang hilang punca pendapatan akibat pandemik COVID-19, menanggung kerugian yang besar akibat musibah banjir diikuti tunggakan pembayaran tebus pusaka yang dipersetujui dengan pihak Baitulmal secara ansuran seterusnya menjejaskan pendapatan Baitulmal sebagai pewaris hak pusaka tersebut.

Sorotan Literatur

Tebus pusaka merupakan proses pembelian pusaka milik Baitulmal oleh waris. Harta pusaka yang diwarisi oleh pihak Baitulmal disebabkan si mati tidak mempunyai waris atau waris tertentu (secara *asabah*) yang melayakkan Baitulmal menjadi waris atas sebab hak warisan dari keagamaan yang akan diagihkan kepada umat Islam mengikut keperluan (Lembut, 2003) di bawah peruntukan Seksyen 13(1) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) yang menjelaskan bahawa waris-waris diberi peluang untuk menebus bahagian Baitulmal. Secara umumnya terdapat tiga sebab utama Baitulmal boleh mewarisi harta pusaka iaitu” (i) Si mati tidak mempunyai waris, (ii) Si mati mempunyai waris tetapi tidak berhak menerima pusaka disebabkan berlainan agama, murtad atau pembunuh si mati dan (iii) Si mati mempunyai waris tetapi tidak dapat menghabisi harta pusaka.

Menurut pandangan fiqh ilmu faraid, tebus pusaka dikiaskan dengan terma *takharuj* merujuk penarikan diri daripada menerima harta pusaka sama ada sebahagian atau kesemuanya, dengan memberikan bahagiannya itu kepada seseorang atau beberapa orang waris lain dengan balasan tertentu yang senilai dengannya daripada harta pusaka berkenaan atau daripada harta lain. Pihak Baitulmal menarik diri atau melepaskan haknya ke atas sesuatu harta dengan bayaran setelah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak (JAWHAR, 2008) melibatkan dua jenis harta iaitu harta tak alih dan harta alih.

Pendekatan *takharuj* yang fleksibel memberi pilihan dan kelonggaran dalam usaha menyelesaikan isu pembahagian harta pusaka orang Islam seterusnya membolehkan pelbagai masalah berkaitan pengagihan ditangani seperti tebus pusaka yang terhak kepada baitulmal (Ahmad et al., 2017). Ia dilihat selari dengan hukum syarak dan mempunyai sedikit perbezaan dengan konsep muafakat yang diamalkan oleh orang Melayu sebelum ini (Ahmad, 2017). Ia disokong oleh Noor et al., (2019) dan Hamdani (2020) yang menyatakan bahawa pendekatan ini menjadi salah satu kaedah penyelesaian yang berkesan jika dapat diaplikasi dengan

bijaksana serta memberikan keuntungan kepada semua. Contohnya, model berasaskan *takharuj* yang diaplikasi bagi mengoptimumkan saiz penggunaan tanah pertanian yang dimiliki oleh setiap waris yang layak boleh dikategorikan sebagai tanah yang produktif untuk dibangunkan (Noordin et al., 2021).

Terdapat tiga (3) bentuk penyelesaian secara *takharuj* iaitu (Ali & Ahmad, 2013): (i) Penyelesaian secara *takharuj* antara dua waris sama ada percuma atau bayaran, (ii) Penyelesaian secara *takharuj* antara seorang waris dengan waris-waris yang lain dengan imbalan bahagian tertentu daripada *tarikah* seperti rumah dan haknya dalam harta-harta lain diserahkan semuanya kepada waris-waris lain dan (iii) Penyelesaian secara *takharuj* dengan bayaran dari harta lain yang boleh dibuat secara sama rata sesama waris atau mengikut kadar bahagian mereka dalam pusaka atau mengikut kadar tertentu yang dipersetujui. Pendekatan *takharuj* sangat signifikan dan relevan dalam aspek mengatasi kekangan undang-undang dalam konteks pembahagian harta pusaka orang Islam dalam kerangka Perlembagaan yang mengekang waris daripada mendapatkan hak mereka, menangani pecahan saiz harta yang melampau dan mengelakkan kelewatan dalam mengurus pembahagian harta pusaka (Ali, 2016; Ahmad et al., 2019).

Metodologi

Reka bentuk kajian kualitatif berpendekatan kajian kes. Kajian ini telah menggunakan instrumen temu bual semi struktur terhadap lima (5) orang penebus pusaka MAIS di negeri Selangor. Kaedah persampelan purposif dan data temu bual telah dianalisis dengan kaedah analisis kandungan. Terdapat enam (6) soalan temu bual seperti dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2. Soalan Temu Bual Kajian

Senarai Soalan	
S1	Apakah bentuk cabaran yang dihadapi oleh Tuan/Puan?
S2	Mengapakah Tuan/Puan masih tidak dapat membayar ansuran secara konsisten sedangkan Tuan/Puan bersetuju dengan penebusan yang ditawarkan?
S3	Adakah situasi ini akan memberi kesan kepada ekonomi Tuan/Puan?
S4	Adakah latar belakang pekerjaan Tuan/Puan menjadi punca tunggakan bayaran bulanan?
S5	Bagaimanakah Tuan/Puan dapat memastikan bayaran tidak tertunggak?
S6	Adakah Tuan/Puan mengetahui bahawa penebusan pusaka sebahagian hak umat Islam (Baitulmal)?

Sumber: Instrumen Kajian

Dapatan & Perbincangan

Terdapat lima (5) peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini yang dikodkan dengan PK1 sehingga PK5 yang terdiri dari tiga (3) orang lelaki dan dua (2) orang perempuan. Kesemua peserta kajian telah ditemu bual secara bersemuka dengan latar belakang yang berbeza (rujuk Jadual 3).

Jadual 3. Demografi Peserta Kajian

Peserta Kajian	Jantina	Latar Belakang	Pendekatan
PK1	P	OKU rabun penglihatan, tidak bekerja & mendapat bantuan JKM	Bersemuka
PK2	L	Pesara, mangsa banjir & mempunyai anak yang menghidap kanser	Bersemuka
PK3	P	Bekerja sendiri sebagai perancang perkahwinan	Bersemuka
PK4	L	Pesara & menghidap penyakit diabetes, darah tinggi serta kolesterol	Bersemuka
PK5	L	Warga emas berusia 74 tahun & tidak bekerja tetap	Bersemuka

Sumber: Dapatan Kajian

“Mengharapkan bantuan JKM RM500 sebulan dan mempunyai pendapatan sewa rumah sebanyak RM450 sebulan. Kos sara hidup dan peningkatan harga barang asas meningkat setiap bulan terutamanya semasa PKP” (PK1)

“Cabaran kehidupan sebagai pesara dan mangsa banjir serta mempunyai anak yang menghidap penyakit kanser. Lot kedai yang disewakan tidak dapat beroperasi semasa PKP serta pencen bulanan tidak mencukupi. Terpaksa menjual aset lain untuk melunaskan tunggakan.” (PK2)

“PKP menyebabkan perniagaan perancang perkahwinan yang diusahakan tiada pendapatan selama 2 tahun. Terpaksa melakukan kerja/perniagaan sampingan untuk menyelesaikan tunggakan.” (PK3)

“Sebab utama tidak mampu membayar ansuran secara konsisten ialah pandemik COVID-19 dan PKP. Tahap kesihatan yang menurun menyebabkan duit pencen digunakan untuk menampung kos rawatan. Pencen bulanan tidak mencukupi berikutan masih mempunyai empat (4) orang tanggungan.” (PK4)

“Tidak mempunyai sumber kewangan kukuh dan tetap kerana berstatus warga emas berusia 74 tahun. Bekerja sambil di pasar malam dan tinggal bersama anak.” (PK5)

Berdasarkan maklum balas temu bual PK1 sehingga PK5 menunjukkan bahawa masalah utama kegagalan penebus membayar ansuran bulanan penebusan secara konsisten ialah (i) Pandemik COVID-19, (ii) Musibah banjir, (iii) Kos sara hidup dan (iv) Kekangan kewangan. Latar belakang kelima-lima peserta kajian juga mempengaruhi tunggakan bayaran bulanan penebusan terutamanya pendapatan tidak mencukupi (PK1, PK2 & PK4), tiada pendapatan tetap (PK3 & PK5) serta faktor usia (PK5). Selain itu, terdapat juga peserta kajian dalam kalangan OKU (PK1), pesakit kronik (PK4) dan mempunyai tanggungan yang menghidap penyakit kanser (PK2). Oleh yang demikian, pasca COVID-19 dan musibah banjir menjadi cabaran kepada semua peserta kajian bagi meneruskan kelangsungan hidup serta berusaha menyelesaikan tunggakan bayaran penebusan serta membayar secara konsisten pada masa depan.

Kesimpulan

Masalah-masalah yang dihadapi penebus pusaka dalam kajian ini dipengaruhi oleh faktor dalaman dan faktor luaran yang menjejaskan ekonomi keluarga masing-masing. Walaupun begitu, mereka berusaha untuk menyelesaikan tunggakan bayaran serta konsisten dalam pembayaran pada masa depan. Justeru itu, pihak Baitulmal MAIS sentiasa berusaha mencari kaedah berkesan bagi menyelesaikan proses penebusan agar lebih efektif, cepat dan mesra kepada pengguna seterusnya memberikan hak pemilikan sepenuhnya kepada penebus.

Penghargaan

Kajian ini ditaja sepenuhnya di bawah tajaan Dermasiswa Zakat Pasca Ijazah Lembaga Zakat Selangor (LZS) serta Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang memberi peluang untuk melanjutkan pengajian pascasiswazah peringkat Sarjana.

Rujukan

- Abdullah, H. K. M., Ab Rahman, S., Khalid, R. M., & Abdullah, N. A. M. (2020). Perkembangan Pengurusan dan Pentadbiran Harta Pusaka Islam Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 42-53.
- Ahmad, M. Y. (2017). Amalan Muafakat dan Aplikasi Takharuj dalam Pengagihan Pusaka menurut Perspektif Undang-undang Pusaka Islam. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 39(1), 21-28.
- Ahmad, M. Y., Jamsari, E. A., Nasir, B. M., Hehsen, A., & Hassan, W. Z. W. (2017). Flexibility Of Takharuj Principle In Solving The Inheritance Issues. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 8(11), 867-878.
- Ali, W. N. W. M. (2016). *Aplikasi Prinsip Al-Takharuj Dalam Pembahagian Harta Pusaka Kecil Orang Islam Di Terengganu* (Doctoral dissertation, Tesis Sarjana. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Ali, W. N. W. M., & Ahmad, M. Y. (2013). Mekanisme Aplikasi Takharuj dalam Pembahagian Harta Pusaka Kecil di Kuala Terengganu. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 35(2), 27-33.
- BERNAMA (2022). *Lebih 10,000 Rumah Terjejas Banjir Di Selangor Akhir Tahun Lepas*. Diambil dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-10000-rumah-terjejas-banjir-di-selangor-akhir-tahun-lepas-351796>
- Farique, M. A. M., & Fauzi, M. A. M. (2021). Implikasi Pandemik COVID-19 terhadap Ekonomi Global dan Ekonomi Malaysia: Implications of COVID-19 Pandemic on Global Economy and Malaysian Economy. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 2(2), 122-129.
- Halim, A. H., & Arshad, A. (2014). Penentuan Harta Pusaka Di Malaysia: Kajian Dari Perspektif Undang-Undang Sivil Dan Syariah. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 26(2), 153-172.
- Hamdani, H. (2020). Konsep Takharuj Alternatif Pembagian Warisan. *Al Hisab: Jurnal Ekonomi Syariah*, 1(1), 32-43.
- Hasbullah, N. A., & Ab Rahman, A. (2020). Peranan Pemegang Taruh Dalam Menjaga Kebajikan Ekonomi Rakyat Semasa Pandemik COVID-19 Dari Perspektif Ekonomi Islam. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 71-89.
- JAWHAR (2008). *Manual Pengurusan Tebus Pusaka*. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- Lembut, I. (2003). *Sistem Pengagihan Harta Pusaka Islam*. Jabatan Agama Islam Melaka.
- Muda, R. (2016). Harta Pusaka Islam di Malaysia: Antara Perundangan Dan Pentadbiran. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 4, 1-10.

- Noor, N. S. B. M., Mokhtar, W. K. A. W., Rashid, A. A. (2019). Management and Distribution of Pusaka Property and Concepts of Munasakhat and Takharuj. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(11), 615–622.
- Noordin, N., A. Kadir, N. & Mhd Saiful Anuar, D. S. (2021). Takharuj-Based Model to Optimize Productive Land Distribution. *Global Journal Al-Thaqafah*, 11(2), 33-46.